

Tidak Berhati Perut Kemanusiaan*



AYA tak dapat hadir di persidangan semalam kerana saya telah mengambil peluang melawat ke Bukit Kepong di mana telah berlaku satu kemalangan yang dahsyat di atas penjaga-penjaga di Bukit Kepong dan kampung-kampung berhampiran.

Sebab saya fikir mustahak melawat ke sana satu daripadanya dengan sebab kebetulan pula majlis ini bersidang di Bandar Maharani dan saya percaya wakil-wakil sekalian tentulah tidak berkehendak atau menyertakan saya sebagai Yang Dipertua UMNO dan masih menjadi Menteri Besar Johor tidak melawat kampung itu.

Perkara yang berlaku itu suatu perbuatan yang amat bengis, tidak ada belas kasihan atas orang yang tidak berdosa kerana antara orang yang mati itu ialah dibakar hidup-hidup iaitu perempuan dan kanak-kanak.

Saya tidak berhajat hendak membangkitkan perasaan yang berlebihan ada dalam hati penduduk-penduduk di Muar ini terutamanya dan juga penduduk-penduduk di Tanah Melayu tetapi perbuatan yang dilakukan di Bukit Kepong itu hanyalah boleh datang dari manusia yang tidak beriman dan tidak berhati perut kemanusiaan.

Dalam kemalangan yang berlaku syukurlah orang Melayu oleh kerana dengan sebab perbuatan itu maka pemuda-pemuda dan ketua-ketua kampung-kampung di situ telah menunjukkan keberanian terhadap memelihara kampung halaman dan negeri. Tidak ada seorang pun di dalam rumah pasung itu menyerahkan dirinya apatah lagi kepungan ke tangan penjahat-penjahat itu. Tiap-tiap seorang telah melawan dengan habis pelurunya dan telah mati; yang belum mati keluar membawa perang menerkam kepada musuh.

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Bandar Maharani, Muar, Johor pada 24 dan 25 Januari 1950. Ucapan ini disampaikan pada hari yang kedua persidangan.

Dalam masa sesudah dibakarnya rumah kedudukan ahli-ahli polis maka seorang daripada anak isteri orang polis itu telah disuruh mendapatkan orang yang melawan di rumah pasung supaya menyerah diri.

Apakah jawapan pahlawan-pahlawan itu? Disuruhnya perempuan itu balik, jika tidak dia akan dibunuhnya. Tidak seorang pun di rumah pasung itu hendak berhenti selagi penjahat-penjahat itu tidak undur. Orang kampung telah datang hendak membantu, datang melanggar dengan membawa senapang, bersenjata parang, menuju ke Bukit Kepong, menuju saudara-saudaranya di situ.

Seorang daripada orang yang berani itu telah terbunuh juga. Pihak kerajaan adalah memandang dengan sangat beratnya atas hal yang berlaku itu dan akan dengan segera dibangunkan rumah pasung di Bukit Kepong itu. Semangat penduduk-penduduk di sana masih kuat, tak seorang pun hendak undur dari kepungannya. Penduduk-penduduk itu suka tinggal di sana dan dibenarkan melawan balik kepada musuh jika ia datang semula.

Saya berpesan pada tiap-tiap orang Melayu di Muar, Tangkak, Batu Pahat dan Segamat jangan membuat apa-apa pun kepada orang yang tidak berdosa. Jangan buat apa-apa kepada orang yang barangkali di sebelah kita, masa itu hendaklah dilakukan ke atas orang yang kejam itu.

Semenjak diluluskan undang-undang baharu UMNO, kerja Ibu Pejabat UMNO ditumpukan pada mengembangkan lagi perjalanan UMNO di seluruh Tanah Melayu. Sehingga hari ini 28 Bahagian UMNO telah dipersetujui di dalam Persekutuan Tanah Melayu dalam negeri-negeri di Tanah Melayu termasuklah beberapa bahagian baharu di Pahang dan Kelantan.

Tujuannya mendirikan bahagian-bahagian itu supaya kerja bersangkutan dengan UMNO akan dapat dijalankan dengan teratur dan kemas supaya lebih banyak bilangan dan tanggungjawab untuk menjadi pemimpin-pemimpin bangsa!

Ada juga beberapa buah negeri yang masih tertinggal menjadi satu bahagian sahaja di dalam negeri itu. Boleh juga dikatakan baik satu bahagian dalam satu negeri, tetapi pada fahaman Jawatankuasa Kerja dan saya sendiri supaya difahamkan bahagian-bahagian itu supaya dapat dijalankan kerja-kerja iaitu dijalankan dengan teratur dan segera.

Kepada wakil-wakil yang datang dari bahagian sebuah negeri

supaya mengatutkan bahagian-bahagian lebih ramai dalam negeri itu.

Berkenaan dengan kerja mengemaskan UMNO adalah suatu yang sangat-sangat mustahak iaitu berkenaan menambah bilangan ahli-ahli UMNO dan satu-satu pertubuhan kebangsaan itu hanyalah dapat berdiri dengan sifat kebangsaan dan dibantu oleh umat bangsa itu.

Dengan tujuan hendak menjalankan ikhtiar bagi meramaikan bilangan ahli-ahli UMNO itu, hari Khamis lepas telah diadakan suatu perjumpaan Pengerusi-pengerusi Bahagian UMNO mencari jalan supaya dapat diramaikan ahli UMNO itu dengan macam-macam jalan.

Adapun UMNO ini tidaklah boleh dikatakan telah kemas atau sempurna perjalanan selagi bahagian-bahagiannya itu tidak sempurna dan kemas perjalanannya, begitu juga bahagian-bahagian itu tidaklah kemas dan sempurna sehingga cawangan-cawangan dalam bahagian itu kemas dan sempurna juga.

Mustahak dijalankan ikhtiar dan kerja bagi menambah kuasa-kuasa UMNO di merata-rata Tanah Melayu sebabnya ialah bersangkutan dengan perubahan yang akan berlaku dan dijalankan di Persekutuan Tanah Melayu dalam masa beberapa bulan lagi iaitu perubahan yang dituntut oleh tiap-tiap penduduk negeri diadakan pilihan oleh penduduk di dalam mesyuarat kerajaan.